

1MDB, kredibiliti Najib dijangka bayangi agenda Parlimen
Malaysian Insider
Oct 16, 2015
Oleh Eileen Ng

Ketika jangkakan usul undi tidak percaya dibawa terhadap Datuk Seri Najib Razak apabila Dewan Rakyat kembali bersidang minggu depan, perkara lain yang dijangka menjadi agenda ialah kesan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada senario politik dan ekonomi.

Salah satu perkara yang paling jelas ialah susunan tempat duduk.

Bekas timbalan perdana menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sebelum ini duduk bersebelahan perdana menteri di barisan depan nampaknya akan terpaksa duduk di kalangan pemimpin kanan Barisan Nasional (BN) lain.

Nasib sama menanti bekas menteri, Datuk Seri Shafie Apdal yang sebelum ini duduk bersama menteri lain.

Kedua-duanya, Muhyiddin dan Shafie tersingkir dalam rombakan Kabinet, penghujung Julai lalu akibat kritikan terbuka mereka terhadap syarikat 1MDB yang diilhamkan Najib.

Pada masa sama, 6 wakil rakyat persekutuan daripada Parti Amanah Negara (Amanah) dijangka diberikan susunan tempat duduk baharu seperti yang mereka minta selepas berpisah daripada parti lama PAS.

"Kita sudah menulis surat kepada Parlimen mengenai perkara ini dan saya difahamkan permohonan ini sedang dipertimbangkan, menunggu persetujuan speaker," kata Ketua Whip Parlimen Amanah Khalid Samad kepada The Malaysian Insider.

Arahan susunan tempat duduk baharu wakil media membuat liputan perjalanan Parlimen yang terpisah daripada bangunan persidangan diadakan sudah ditangguhkan dan mereka akan terus beroperasi seperti biasa di lobi Parlimen.

Ahli baharu PAC dan jawatankuasa pemilihan

Pelantikan baharu juga dijangka dibuat pada Isnin bagi kedua-dua jawatankuasa pemilihan Parlimen dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), yang kehilangan ahli utama, kesan daripada rombakan Kabinet, baru-baru ini.

Jawatankuasa pemilihan juga perlu menggantikan Muhyiddin dan Datuk Seri G Palanivel kerana kedua-duanya kini bukan lagi menteri sementara seorang lagi ahli, bekas ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim kini di penjara atas sabitan meliwat.

Sementara itu, PAC hilang pengerusinya dan 3 ahli apabila mereka dinaikkan pangkat

menyertai Kabinet dalam rombakan terbaru itu.

Kehilangan itu menyebabkan pembekuan sementara panel penyiasatan bipartisan itu terhadap 1MDB.

Usul undi tidak percaya terhadap Najib

Perkara paling penting dalam persidangan 7 minggu ini, yang terakhir bagi tahun ini berakhir pada 3 Disember, tidak syak lagi ialah usul undi tidak percaya terhadap perdana menteri bermasalah – berdepan tuduhan skandal kewangan berkaitan 1MDB dan "derma" RM2.6 bilion daripada penderma Timur Tengah ke dalam akaun bank peribadinya.

Semua orang tertanya-tanya bila wakil rakyat pembangkang akan membentangkan usul itu, walaupun Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata ia mungkin seawal minggu depan.

Bagaimanapun, sekutunya melahirkan keraguan memandangkan mereka kekurangan jumlah ahli.

Pilihan lain ialah untuk memastikan Bajet 2016, yang dijadualkan dibentangkan Najib pada 23 Oktober, tidak diterima ketika diundi.

Majoriti dua pertiga diperlukan untuk mendesak usul tidak percaya tetapi pembangkang hanya mempunyai 88 daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat.

Tambahan lagi, sudah diketahui bekas rakan sekutu, PAS tidak akan menyokong usul seumpama itu.

Bajet 2016 dan ekonomi

Satu lagi perkara penting ialah pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober bakal dilakukan Najib, yang juga menteri kewangan.

Semua mata akan tertumpu pada Putrajaya ketika ia mendedahkan semua rancangan untuk menangani halangan ekonomi, yang menyaksikan ringgit, menjadi mata wang Asia paling teruk pencapaiannya tahun ini, jatuh melebihi paras RM4 berbanding dolar Amerika Syarikat.

Kejatuhan itu disebabkan ramalan antarabangsa yang memburuk, kejutan penurunan nilai yuan China, harga komoditi merudum dan skandal politik semasa berkait kepada Najib.

Najib berkata bajet itu akan memfokuskan kepada mengukuhkan pertumbuhan, meningkatkan keterangkuman dan memastikan kemapanan fiskal, di samping peruntukan bagi isi rumah berpendapatan rendah.

Dijangkakan ahli Parlimen daripada kedua-dua pihak akan membangkitkan isu

semasa ketika membahaskan rang undang-undang bajet.

Ini termasuk kebimbangan mengenai pencapaian ekonomi negara, skandal berterusan yang menyelubungi 1MDB, penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), kenaikan harga tol selain pendakwaan ke atas 2 pengkritik kerajaan atas kesalahan cubaan mensabotaj ekonomi.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang sudah menyediakan 4 soalan lisan kepada Najib, termasuk meminta perdana menteri mendedahkan identiti penderma RM2.6 bilion itu dan menjelaskan mengapa beliau tidak hadir persidangan anti rasuah bulan lalu.

“Jika tidak ada usul undi tidak percaya pada minggu pertama Parlimen, adakah undi terhadap Bajet 2016 menjadi ujian sama ada Najib masih mempunyai keyakinan majoriti ahli Parlimen?” kata Lim.

Rang undang-undang persendirian

Beberapa wakil rakyat pembangkang juga akan menghantar rang undang-undang persendirian dan usul kepada Parlimen untuk membahaskan perkara mustahak.

Ahli Parlimen Pandan daripada PKR Rafizi Ramli menghantar rang undang-undang persendirian yang dinamakannya Akta Pemisahan Jawatan (perdana menteri dan menteri kewangan) 2015, mendesak undang-undang itu diwartakan bagi menghalang individu sama memegang jawatan perdana menteri dan menteri kewangan pada masa sama.

Ahli Parlimen Puchong daripada DAP Gobind Singh Deo menghantar rang undang-undang persendirian untuk meminda Artikel 145 (6) Perlembagaan Persekutuan untuk mewajibkan tribunal memutuskan sama ada peguam negara perlu disingkirkan daripada jawatannya, atau tidak.

Ia susulan penyingkiran bekas peguam negara Tan Sri Abdul Gani Patail dilakukan Putrajaya pada 27 Julai, di tengah-tengah siasatan pasukan petugas khas terhadap 1MDB, walaupun tempoh perkhidmatan sepatutnya berakhir pada awal Oktober.

Putrajaya juga akan membentangkan undang-undang baharu diberi nama Rang Undang-undang Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia dan juga pindaan kepada 2 undang-undang siber sedia ada: Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan Internet. – 16 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/1mdb-kredibiliti-najib-dijangka-bayangi-agenda-parlimen>